

Senario kolej kerjasama

Persepsi negatif, syarat kemasukan tinggi punca pelajar kurang ikuti program kerjasama IPTA-IPTS

Oleh Rosniza Md Taha
roniza@bharian.com.my

MELANJUTKAN pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menjadi hasrat lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), namun tempat disediakan terhad menjadi faktor utama menghalang mereka menjajakkan kaki ke menara gading itu.

Bagaimanapun, peluang mereka menggenggam segulung diploma atau ijazah yang dianugerahkan IPTA masih terbuka luas.

Ini kerana Program Kerjasama IPTA-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) diwujudkan sebagai wadah pilihan mereka mengikuti pengajian mempunyai kualiti sama seperti di IPTA pilihan.

Menerusi perkongsian pintar itu, pelajar mengikuti pengajian di IPTS yang terjamin kualitinya sama di IPTA, termasuk silibus pengajian, nota dan soalan peperiksaan, malah menghadiri konyokesyen di universiti induk yang menjalin kerjasama.

Program kerjasama itu dijalankan di peringkat diploma dan ijazah meliputi pelbagai bidang antaranya Sains Kesihatan, Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Pengurusan dan Perniagaan.

Rekod Bahagian Pendaftaran dan Piawaian Sektor Pengurusan IPTS menunjukkan se-

MEMORANDUM PERJANJIAN



NORAYINI (dua dari kanan) dan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah (dua dari kiri) meneliti memorandum pelaksanaan program kerjasama UPM-IPTS sambil diperhati wakil IPTS, baru-baru ini.

jumlah 133 IPTS menjalankan program kerjasama itu dengan 10 IPTA, sejak 2000.

Bagaimanapun, program itu semakin kurang sambutan kerana hingga akhir bulan lalu, hanya 104 IPTS yang aktif melaksanakannya, manakala bakinya tidak lagi berbuat demikian berpunca sama ada ditutup kerana ditarik balik akuan pendaftaran atau berhenti menjalankan program berkenaan.

Pemangku Presiden Persatuan Kebangsaan Bumiputera IPTS Malaysia, Datin Norayini Ali, berkata dua faktor utama dikenal pasti sebagai punca jumlah kolej menganjurkan program berkenaan semakin kurang, iaitu sukar mendapat pelajar kerana syarat kelayakan

masuk tinggi serta persepsi negatif umum mengenai IPTS.

Beliau yang juga Bendahari Agung Gabungan Kolej-Kolej Bersekutu Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Pengerusi Konsortium Program Kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM)-IPTS berkata;

"Kos tinggi bagi menjalankannya terutama bagi menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) setanding di universiti induk serta caj dikenakan IPTA juga faktor utama banyak kolej menarik diri menjalankan program berkenaan."

"Sebagai contoh hanya enam kolej yang memperbaharui perjanjian kerjasama dengan UPM untuk tempoh lima tahun lagi, April lalu berbanding 30

kolej pada 1998. IPTS kecil yang tidak mampu meneruskan program kerjasama ini mula beralih kepada penawaran program yang mudah mendapat pelajar."

"Kebelakangan ini IPTS yang dulu bergantung sepenuhnya kepada program kerjasama kini mula memfokuskan program dibangunkan sendiri seperti dalam bidang Sains Kesihatan termasuk kejururawatan, fisioterapi, farmasi dan keselamatan pekerja."

Sehubungan itu, beliau mengusulkan beberapa langkah sokongan untuk diperhalusi Kementerian Pengajian Tinggi bagi memastikan program itu tidak 'terkubur', sekali gus menafik akses bagi pelajar mengikuti pengajian tinggi yang berkualiti.

Jika diberi kelonggaran syarat kemasukan program kerjasama ini, lebih ramai pelajar dapat mengikutinya dan memperbaiki pencapaian akademik di IPTS terabit"

Norayini Ali
Pemangku Presiden
Persatuan Kebangsaan
Bumiputera IPTS Malaysia

Antaranya mengadakan pengambilan berpusat bagi program berkaitan sebelum disalurkan ke kolej kerjasama, selain melonggarkan syarat kemasukan.

Untuk mengikuti program kerjasama peringkat diploma, katanya, pelajar perlu memiliki kelayakan minimum lima kredit dalam SPM, termasuk beberapa subjek kritikal seperti Fizik, Kimia, Bahasa Inggeris dan Biologi.

"Jika diberi kelonggaran syarat kemasukan program kerjasama ini, lebih ramai pelajar dapat mengikutinya dan memperbaiki pencapaian akademik di IPTS terabit."

"Kementerian juga hendaklah mengambil kira kapasiti kolej kerjasama apabila membuat unjuran tempat supaya pelajar boleh ditempatkan di IPTS yang menyertai program kerjasama seperti dilakukan Kementerian Pelajaran untuk pengambilan pelajar matrikulasi."

"Sebagai contoh, Kolej Tek-

nologi Timur sebagai kolej bersekutu UiTM, menyediakan kapasiti besar untuk tujuan itu tetapi ketika ini cuma 177 pelajar bagi keseluruhan empat program kerjasama, iaitu Diploma Pengurusan & Teknologi Pejabat, Diploma Senilukis & Senireka (Grafik dan Media Digital), Diploma Sains serta Pra Diploma Sains," katanya.

Norayini berkata, bagi menangani kos tinggi dalam melaksanakan program berkenaan, kelonggaran juga perlu dari segi audit dan penyediaan kemudahan P&P.

Katanya, kualiti kolej yang menjalankan program kerjasama tidak perlu diragui kerana IPTA mengadakan lawatan audit setiap semester, selain bengkel bagi memastikan mutu IPTS setara di universiti induk.

"Namun, menerusi audit, IPTA cenderung menetapkan syarat yang tidak tercapai seperti perpustakaan besar dan makmal sains setanding di universiti induk, sedangkan jumlah pelajar di kolej terabit jauh lebih sedikit dan kursus pula peringkat diploma saja," katanya.

Justeru, beliau berharap IPTA menilai kapasiti kemudahan disediakan sejajar jumlah pelajar dan program ditawarkan IPTS.

Katanya, begitu juga bayaran pelaksanaan program dikecualikan IPTA terlalu tinggi hingga mencecah 20 peratus dengan kadar minimum RM10,000 satu semester, selain tuntutan lain seperti urusan pentadbiran dan perjalanan penyelaras di IPTA.